

Nilai data kebolehpasaran graduan pastikan kursus relevan

Kuala Lumpur: Permintaan industri, kadar kebolehpasaran graduan dan kemajuan teknologi menjadi antara elemen utama yang menentukan sama ada sebuah program akademik di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) kekal relevan atau perlu disemak semula secara menyeluruh.

IPTA di Malaysia seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Malaya (UM) sependapat penilaian terhadap program akademik bukan sahaja perlu dilaksanakan secara berkala, malah sewajarnya turut mengambil kira pandangan pelbagai pihak berkepentingan termasuk industri, alumni, pelajar serta badan profesional.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Ahmad Farhan Mohd Sadiullah, berkata sekiranya jumlah pelajar yang memilih sesuatu

program terlalu rendah atau mereka bukan dalam kalangan calon yang meletakkan program itu sebagai pilihan utama, ia boleh dianggap sebagai petanda program berkenaan kurang kompetitif.

"UPM turut menilai data kebolehpasaran graduan bagi memastikan program yang ditawarkan benar-benar membantu pelajar memasuki pasaran kerja.

"Pandangan daripada pelajar, industri dan alumni sangat penting dalam proses ini, selain penilaian luar yang menilai kesesuaian kandungan silibus," katanya.

Beliau berkata, UPM menjalankan semakan minor setiap dua hingga tiga tahun dan beberapa program dikenal pasti sebagai



Ahmad Farhan

kurang menyeron, namun belum ada program dimansuhkan secara rasmi setakat ini.

Katanya, pihak universiti akan mengambil langkah seperti promosi semula, kajian semula kurikulum dan penangguhan pengambilan sebelum sebarang cadangan penstrukturkan dikemukakan kepada Senat.

Perubahan besar pula dilakukan sekurang-kurangnya setiap lima tahun.

Penstrukturkan semula

Sementara itu, Pengarah Bahagian Pembangunan Akademik, Jabatan Akademik dan Antarabangsa UiTM, Prof Madya Dr Surriyani Ariffin menjelaskan semua program akademik di IPTA

seperti UiTM diwajibkan menjalani proses semakan dan penstrukturkan semula dalam tempoh tiga hingga lima tahun.

"Proses ini selaras dengan keperluan industri semasa, Program Standard serta kehendak badan profesional.

"Ia membabitkan sesi perbincangan meja bulat bersama wakil industri, alumni, agensi berkaitan dan majikan. Input pihak berkepentingan ini digunakan untuk menyesuaikan kurikulum agar seiring dengan perkembangan semasa," katanya.

Beliau menegaskan penstrukturkan kurikulum di UiTM adalah proses berterusan dan bukan hanya dilakukan apabila diarahkan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

"Antara kursus yang sentiasa diberi perhatian ialah Kejuruteeraan, Sains Komputer, Pengurusan Perniagaan dan program pro-

fesional lain pada peringkat diploma dan sarjana muda," kata-nya.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UM, Prof Dr Hasniza Zaman Huri pula berkata, pihak universiti sentiasa komited memastikan kurikulum kekal dinamik, berdaya saing dan sejajar dengan kehendak industri serta agenda nasional.

"Sebarang kursus yang dikenal pasti tidak lagi relevan akan di-ka-ji semula dengan teliti tanpa menjask-an nilai teras ilmu, pemikiran kritis-kal dan peranan uni-versiti sebagai pusat intelektual.

"UM kini giat melaksanakan inisiatif pemodenan kurikulum seperti pengukuhan pendekatan pembelajaran berasaskan hasil (OBE), pelaksanaan kursus rentas disiplin, integrasi kemahiran digital serta penawaran mikro-kre-densial," katanya.